

Johor Bahru

# Tersangkut pada kipas bot

HM 31/10/23 MLS 4

*Sampah sarap hanyut penuhi Sungai Skudai beri kesan negatif kepada nelayan*

Sampah sarap yang memenuhi Sungai Skudai bukan sahaja mencemarkan pemandangan malah turut memberi kesan negatif kepada nelayan di sepanjang jajaran sungai itu.

Ahli Persatuan Nelayan Taman Tampoi Utama, Rosli Esa, 53, berkata, hampir setiap masa, kecuali ketika air surut, kelebihan sampah di permukaan sungai dihanyutkan arus.

Katanya, sampah dari lembangan anak sungai berhampiran akan mengalir ke sungai utama dalam kuantiti besar, terutama ketika air pasang besar.

"Pelbagai jenis sampah boleh dilihat seperti botol plastik minuman, beg plastik, polisterin dan gabus. Setiap masa, bertali arus sampah dihanyutkan hingga ke perangkap sampah berdekatan jambatan Danga Bay.

"Sampah sarap ini, jika hanyut dalam kuantiti besar, akan memberi kesan kepada bot nelayan yang ditambat di tebing sungai sepanjang Sungai Skudai.

"Sampah seperti beg plastik atau tali akan tersangkut pada kipas bot, sebaliknya merosakkan enjin bot kami."



SAMPAH sarap yang hanyut dan tersangkut di Jeti Nelayan di tebing Sungai Skudai, Johor Bahru. - Gambar NSTP/OMAR AHMAD

"Kos membaik pulih enjin bot bukan murah, ia menelan belanja hingga ribuan ringgit. Pada masa sama, nelayan juga tidak dapat turun ke laut mencari rezeki," katanya ditemui di Jeti Nelayan Taman Tampoi Utama di sini, semalam.

Menurut Rosli, pada masa sama, ada bot ditambat turut hanyut selepas 'di-

bawa' sampah sarap hanyut dalam kuantiti besar.

Katanya, ia sudah banyak kali berlaku, terutama ketika hujan lebat se-lain air pasang.

"Sampah yang banyak juga boleh menyebabkan tali bot nelayan terputus.

"Ketika air pasang, celahan bot nelayan turut dipenuhi sampah. Nelayan pula menggunakan kayu

untuk menolak sampah," katanya yang sudah 15 tahun menjadi nelayan.

Kelmarin, Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi memaklumkan, 14 sungai di Johor dikategorikan sebagai sungai paling tercemar.

Antaranya Sungai Kempas, Sungai Buluh, Sungai Tampoi dan Sungai Pandan.

14 sungai di Johor dikategorikan sebagai sungai paling tercemar antaranya Sungai Kempas, Sungai Buluh, Sungai Tampoi dan Sungai Pandan.

Onn Hafiz turut meminta Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Perairan dan Saliran (JPS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi berkaitan untuk mewujudkan pasukan khas dan rangka kerja dalam menangani isu sungai tercemar di Johor secepat mungkin.

Dalam pada itu, Pengarah JAS Johor, Dr Mohd Famey Yusoff ketika dihubungi berkata, pasukan khas berkaitan akan diwujudkan segera sebagaimana arahan Onn Hafiz.

